



## **Batik Air sedia 14,000 tiket tambahan sempena Aidilfitri**

Oleh Ercy Gracella Ajos - Mac 10, 2023 @ 8:49pm  
bhnews@bh.com.my

KUALA LUMPUR: Permintaan tinggi sempena Aidilfitri mendorong syarikat penerbangan Batik Air menyediakan lebih 10,000 tiket tambahan tanpa kenaikan harga bagi penerbangan ke Sabah dan Sarawak.

Selain itu, sebanyak 4,000 tiket tambahan turut disediakan bagi penerbangan domestik di sekitar Semenanjung.

Ketua Pegawai Eksekutif Batik Air, Mushafiz Mustafa Bakri berkata, pihaknya akan melancarkan penerbangan tambahan ini ke destinasi domestik termasuk dari Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) ke Kuching dan Kota Kinabalu, selain dari Lapangan Terbang Sultan Abdul Aziz Shah, Subang (LTSAAS) ke Kota Bharu, Terengganu, Langkawi, Pulau Pinang serta Johor Bahru.

Katanya, penerbangan domestik tambahan yang disediakan ini bagi tempoh 17 April hingga 2 Mei depan.

"Semua tambang penerbangan dari KLIA ke Kuching yang ditetapkan adalah RM299, manakala ke Kota Kinabalu adalah RM359.

"Selain itu, harga tiket bagi penerbangan dari LTSAAS ke destinasi di sekitar Semenanjung pula bermula serendah RM199 dengan tambahan 4,000 tiket ditawarkan," katanya dalam kenyataan, hari ini.

Mushafiz berkata, harga tambang tetap itu tertakluk kepada terma dan syarat serta pengguna perlu membeli tiket sekurang-kurangnya tujuh hari sebelum tarikh berlepas.

"Kita membuka tempahan bermula hari ini hingga hujung bulan ini," katanya.

Beliau berkata, orang ramai digesa membuat tempahan awal bagi mengelak kehabisan tiket susulan permintaan tinggi daripada orang ramai yang mahu pulang berhari raya.

"Kita jangka permintaan tinggi dan memberangsangkan kali ini kerana ramai ahli keluarga akan menggunakan masa cuti bersama anak mereka.

"Ini kerana bukan masyarakat Islam saja yang ingin pulang ke kampung sempena Aidilfitri, malah pengguna bukan Islam turut merancang bercuti bersama ahli keluarga," katanya.